

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Kondominium, apartmen servis dapat permintaan |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                                 |             |                     |
| Date       | 18 Jan 2020                                   | Color       | Full Color          |
| Section    | Bisnes  | Circulation | 82,252              |
| Page No    | 12,14   | Readership  | 246,756             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 441 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Hazwan Faisal Mohamad                         | AdValue     | RM 14,659           |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 43,977           |



Sektor  
hartanah  
semakin  
dapat  
permintaan  
*Muka 14*

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Kondominium, apartmen servis dapat permintaan |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                                 |             |                     |
| Date       | 18 Jan 2020                                   | Color       | Full Color          |
| Section    | Bisnes  | Circulation | 82,252              |
| Page No    | 12,14   | Readership  | 246,756             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 441 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Hazwan Faisal Mohamad                         | AdValue     | RM 14,659           |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 43,977           |

# Kondominium, apartmen servis dapat permintaan

Sentimen pengguna terhadap pasaran hartanah semakin baik

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Hartanah** kediaman jenis kondominium dan apartmen servis mencatatkan pertumbuhan terbesar dari segi permintaan di Malaysia, demikian menurut portal hartanah, iProperty.com.my.

Kedua-dua jenis kediaman berkenaan membolehkan permintaan terhadap hartanah kediaman sekunder di Malaysia meningkat 13.3 peratus tahun lalu, berbanding 2018.

Bagi hartanah kediaman jenis teres, meskipun peningkatan yang dicatatkan sedikit rendah iaitu sembilan peratus, ia masih menjadi hartanah paling popular dalam kalangan pembeli, mewakili lebih 50 peratus transaksi jualan sekunder dalam pasaran.

Dari segi kenaikan nilai, rumah teres satu-satunya hartanah kediaman yang mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 3.16 peratus manakala kondomi-

nium dan apartmen servis masing-masing susut 2.02 peratus dan 1.66 peratus.

Pengurus Besar Penyelesaian Data Pelanggan REA Group Asia, Premendran Pathmanathan, berkata sentimen pengguna dilihat semakin bertambah baik berdasarkan data yang diperolehi.

Katanya, terdapat peningkatan dari segi kunjungan unik untuk pencarian hartanah di seluruh negara sepanjang tahun lalu, sekali gus menyokong laporan bahawa sentimen pengguna telah meningkat.

"Namun, ia masih belum mencukupi kerana tidak bermaksud jika seseorang ingin membeli, maka individu itu akan terus membeli kediaman berkenaan.

"Ia perlu diterjemahkan kepada transaksi dan ini bergantung kepada bekalan hartanah sekunder yang ada di dalam pasaran, harganya dan juga lokasi hartanah berkenaan.

"Sebagai contoh di Kuala Lumpur, walaupun ada orang mahu membeli, tetapi penjual menarik diri. Jadi apa yang berlaku, penjual kini mempunyai lebih banyak pilihan kerana jumlah pembeli adalah lebih ramai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas taklimat Trend Permintaan Hartanah Kediaman Sekunder Malaysia



**Premendran (kiri) dan Mawer** pada majlis taklimat Trend Permintaan Hartanah Kediaman Sekunder Malaysia bagi tahun 2019, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Zunnur Al Shafiq/BH)

bagi tahun 2019, di Kuala Lumpur, semalam.

Yag hadir sama ialah Pengurus Besar iProperty Malaysia, David Mawer.

Mengulas lanjut, Premendran berkata, boleh disimpulkan pada masa ini, sedang berlaku peralihan daripada pasaran pembeli ke pasaran penjual di negeri tertentu.

"Di Johor, ia dilihat masih didominasi pasaran pembeli kerana mempunyai lambakan har-

tanah sekunder di sana.

"Namun, bagi Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang, saya boleh katakan ia terpecah dua. Bagi kondominium dan apartmen servis, ia pasaran penjual kerana jumlah senaraiannya semakin berkurang.

"Rumah teres adalah sebaliknya, kerana jumlah senarai-an adalah masih tinggi menyebabkan pembeli mempunyai kuasa untuk memilih dan melakukan penawaran," katanya.